

28 APR 2004

Mahathir-Rojak

KAJIAN ILMIAH TENTUKAN SAMA ADA BAHASA MELAYU JADI ROJAK

ALOR SETAR, 28 April (Bernama) -- Kajian secara ilmiah perlu dilakukan terhadap Bahasa Melayu bagi menentukan sama ada bahasa itu sudah jadi rojak atau belum rojak dan mahu dirojakkan, kata Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Bekas Perdana Menteri berkata langkah itu amat wajar kerana ketika ini mereka yang mempertikaikan kononnya Bahasa Melayu sudah jadi rojak tidak membuat kajian mendalam.

"Perlu ada kajian ilmiah dan jangan bertengkar sebab saya dapati mereka yang mempertikaikan Bahasa Melayu jadi rojak itu langsung tidak melakukan kajian mendalam," katanya pada majlis perletakan batu asas bangunan Dewan Perhimpunan Melayu Kedah (DPMK) di sini.

Yang turut hadir ialah Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan Yang DiPertua DPMK Tan Sri Khalid Abdullah.

Isu Bahasa Melayu menjadi hangat apabila bahasa itu didakwa menjadi semakin luntur disebabkan sikap tidak peka masyarakat yang merosakkannya dengan menggunakan bahasa rojak.

Dr Mahathir berkata kajian itu perlu menentukan sama ada Bahasa Melayu itu sebenarnya tulen atau tidak dan adakah Bahasa Melayu itu dipinjam daripada bahasa lain.

Beliau berkata Bahasa Melayu sebenarnya amat terhad dan tidak mencukupi pada zaman serba moden ini dan atas alasan itulah Bahasa Melayu sudah dicampur dengan bahasa lain seperti Arab dan Inggeris.

"Bila seseorang itu memeluk agama Islam, Bahasa Melayu diperluaskan dengan dicampur Bahasa Arab dan selepas itu Bahasa Inggeris," katanya.

Katanya, dari segi penggunaan nama bagi seseorang, Bahasa Melayu tulen sebenarnya adalah Awang, Puteh atau Hitam tetapi ketika ini dicampur Bahasa Arab seperti Ahmad, Mahathir dan sebagainya.

Ketika ditanya pemberita kemudiannya, Mahathir berkata beliau tidak menentang mereka yang mempertikaikan Bahasa Melayu jadi rojak sebaliknya bila sesuatu keputusan dibuat, ianya mestilah berasas kerana itu lebih baik daripada cakap secara beremosi dan tidak berfaedah.

Menyentuh mengenai pembinaan bangunan DPMK, Dr Mahathir berkata ia adalah sesuatu yang baik kerana dewan itu berperanan sebagai landasan tepat bagi memperkukuhkan orang Melayu.

Katanya, orang Melayu tanpa mengira kedudukan dan parti politik perlu menghadapi segala masalah secara bersama dengan mengeneipkan sebarang permusuhan.

Bangunan lapan tingkat DPMK yang menelan kos keseluruhan RM8 juta itu antara lain akan berperanan sebagai tempat membincangkan masalah agama, sosial, pelajaran dan kebudayaan bangsa Melayu.

-- BERNAMA

MAN RS